

# PENGLITIKAN ENKLITIK “-NYA” PADA KATA KERJA: APLIKASI TEORI KUASAAN DAN TAMBATAN (CHOMSKY, 1986)

*Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan*

## *Abstrak*

Kajian ini mendakwa bahawa pengklitikan bukan satu proses morfologi tetapi satu proses sintaksis. Kajian ini membahaskan bahawa enklitik “-nya” ialah satu butir leksikal di dalam leksikon penutur asli bahasa Melayu. Pengklitikan ialah percantuman butir leksikal ini dengan hosnya. Kajian ini mendakwa bahawa pengklitikan ini berlaku pada aras sintaksis. Pengklitikan pada aras sintaksis ini dipengaruhi oleh dua jenis analisis sintaksis, iaitu hipotesis pergerakan (diperkenalkan oleh Kayne, 1975) dan hipotesis *in situ* (Aoun, 1985; Borer, 1984; Dobrovie-Sorin, 1990; Jaeggli, 1982; Suner, 1988). Hipotesis Pergerakan membahas bahawa klitik wujud pada posisi komplemen hosnya pada struktur-D dan bergerak bercantum pada hosnya pada struktur-L melalui proses ubah-alfa. Hipotesis *in situ* pula mendakwa bahawa klitik wujud tercantum pada hosnya pada struktur-D dan tidak perlu bergerak ke posisi lain pada struktur-L. Beberapa mekanisme perlu diketengahkan untuk mempertahankan analisis hipotesis *in situ*. Oleh yang demikian, analisis hipotesis pergerakan akan dibahas sebagai hipotesis yang terbaik untuk diadaptasikan bagi menjelaskan pengklitikan enklitik “-nya” pada kata kerja struktur-L.

## *Abstract*

*This study claims that cliticization is not a morphological process but a syntactical process. It argues that enclitic “-nya” is a lexical item in the lexicon of a Malay native speaker. Cliticization is a process of adjunction of a lexical item to its host. This study claims that cliticization happens at the syntactic level. Cliticization at this level is influenced by two types of syntactic analysis which are movement*

*hyphotesis and in situ hyphotesis. Movement hyphotesis claims that a clitic existed on the complement position of its host at the D-structure and moves to adjoin to its host at the L-structure through the move-alpha transformation. On the other hand, in situ hyphotesis claims that a clitic is adjoined to its host at the D-structure, therefore, at the L-structure it doesn't have to move. There are few mechanism that need to be brought forward in order to defend the in situ hyphotesis analysis. Therefore, movement hyphotesis will be argued as the best hyphotesis to be adapted in order to explain the cliticization of enclitic "-nya" to the verbs at the L-structure.*

## PENGENALAN

Sebelum 1970, kehadiran bentuk klitik dianalisis sebagai satu proses morfologi kerana klitik dianggap sebagai imbuhan. Selepas penerbitan buku *French Syntax* oleh Kayne (1975), klitik mula mendapat perhatian dalam kerangka generatif.<sup>1</sup> Sehubungan dengan itu, enklitik "-nya" dalam penulisan ini akan dianalisis dalam salah satu daripada kerangka generatif, iaitu kerangka Teori Kuasaan dan Tambatan (Chomsky, 1986a). Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji kedudukan pengklitikan '-nya' pada posisi objek kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif, di samping menghuraikan jenis analisis sintaksis yang berkaitan secara terperinci.

## KERANGKA TEORI KUASAAN DAN TAMBATAN


Kerangka yang akan digunakan dalam kajian ini ialah kerangka umum Teori Kuasaan dan Tambatan (KT) yang dikemukakan oleh Chomsky (Chomsky, 1982a, 1982b). Teori KT mengandaikan bahawa sebahagian besar daripada nahu setiap bahasa merupakan sebahagian daripada Nahu Sejagat dan mengandaikan bahawa Nahu Sejagat ini boleh dibahagikan kepada dua komponen yang utama, iaitu sistem kekangan dan tahap sintaksis. Sistem kekangan ialah sistem yang terdiri daripada rumus-rumus seperti rumus struktur frasa, rumus ubah alfa, rumus stilistik, dan rumus interpretif. Tahap sintaksis pula dapat dibahagikan kepada representasi bentuk (*representation of form*) dan representasi makna (*representation of meaning*). Pemetaan di antara representasi bentuk dengan representasi makna melibatkan empat aras, iaitu Struktur Dasar (struktur-D), aras penengah, iaitu Struktur Lahir

---

<sup>1</sup> Zwicky (1977) juga menganalisis klitik-klitik yang wujud dalam bahasa Roman tetapi secara deskriptif sahaja.

(struktur-L), Bentuk Logik (bentuk-L) dan Bentuk Fonologi (bentuk-F). Walaupun begitu, struktur-D hingga struktur-L sahaja membentuk komponen sintaksis yang di dalamnya terdiri daripada rumus yang berbeza-beza (Chomsky, 1986b:68) seperti dalam (1):

(1)



Sumber: Chomsky, 1986b.


Rumus struktur frasa (RSF) ialah rumus pertama dalam komponen sintaksis. Rumus ini berfungsi menjana struktur-D suatu ayat. Struktur-D dalam (1) dihubungkan dengan Struktur-L oleh rumus transformasi yang dikenali sebagai rumus Ubah Alfa. Bentuk logik (bentuk-L) sesuatu ayat pula dijana oleh rumus interpretatif. Akhir sekali, bentuk fonologi (bentuk-F) dijana oleh rumus stilistik.<sup>2</sup>

Dalam rajah (1) di atas, terdapat satu lagi komponen yang dipisahkan daripada komponen sintaksis, iaitu komponen leksikon. Komponen ini

2 Bentuk logik dan bentuk fonologi tidak akan dibincangkan dalam kajian ini kerana kedua-duanya tidak memenuhi tujuan kajian mengenai enklitik “-nya”.

dipisahkan daripada komponen sintaksis oleh Chomsky (1986b) kerana sifatnya yang berbeza, iaitu komponen leksikon bersifat sensitif pada konteks ayat. Oleh yang demikian, rajah (1) diringkaskan kepada (2):

(2) Leksikon



Kajian ini hanya melibatkan struktur-D dan struktur-L sahaja.

Perbincangan seterusnya akan memberikan penekanan kepada rajah (2) di atas. Perbincangan ini akan memperkenalkan komponen yang berkaitan dengan kajian ini sahaja, iaitu leksikon, struktur-D dan struktur-L.

Satu tanggapan penting dalam kajian ini ialah setiap manusia dilengkapi dengan kamus mental yang dikenali sebagai leksikon. Leksikon dikaitkan dengan kamus kerana leksikon diandaikan terdiri daripada senarai semua perkataan dalam suatu bahasa seperti mana yang terkandung di dalam kamus.<sup>3</sup> Bentuk-bentuk yang hadir dalam leksikon itu dipanggil sebagai butir leksikal. Butir-butir leksikal ini selalunya diandaikan terdiri daripada senarai butir leksikal yang tidak tertib susunannya dalam leksikon. Setiap butir leksikal ini memiliki satu set maklumat yang menyenaraikan elemen-elemen yang idiosinkratik. Elemen-elemen dikenali sebagai masukan leksikal. Masukan leksikal ini mempunyai maklumat fonologi, semantik, morfologi dan sintaksis. Kehadiran maklumat ini pada sesuatu leksikal adalah amat penting. Pertama, maklumat fonologi mengandungi rumus serta sebutan yang betul bagi sesuatu butir leksikal itu. Kedua, maklumat semantik mengandungi makna sebenar perkataan itu. Ketiga, maklumat morfologi menerangkan jenis imbuhan yang boleh wujud bersama-sama leksikal itu.

3 Weisler & Milekic (2000:68) mendakwa bahawa leksikon seorang penutur natif bahasa Inggeris adalah terdiri lebih daripada 50 000 patah perkataan.

Seterusnya, maklumat sintaksis pula menyimpan kategori yang dimiliki oleh suatu butir leksikal itu.

Struktur-D ialah aras pertama yang mewakili sistem mental manusia dalam komponen sintaksis mengikut teori Kuasaan dan Tambatan. Umumnya, aras ini diandaikan memainkan dua peranan.<sup>4</sup> Peranan pertama ialah mentafsirkan ayat taksa. Ayat taksa ialah satu ayat yang mempunyai dua makna. Peranan struktur-D di sini adalah untuk memberikan representasi kepada makna yang berbeza bagi suatu ayat taksa dengan menggunakan rumus X-berpalang. Kedua, peranan aras ini adalah untuk membezakan dua ayat yang mempunyai tafsiran yang sama seperti dalam ayat aktif dan ayat pasif dengan menggunakan rumus yang sama. Kewujudan kedua-dua peranan ini diketahui oleh penutur natif sesuatu bahasa tetapi tidak dapat dimanifestasikan melalui bunyi dan ejaan. Pada aras ini, ayat diandaikan bersifat abstrak. Aras ini merupakan satu tahap di mana hubungan tatabahasa, iaitu hubungan antara kepala dengan argumen seperti ‘subjek kepada’ dan ‘objek kepada’ ditentukan. Selepas berlakunya transformasi ke atas suatu kategori maka satu output akan dihasilkan. Ubah Alfa ialah satu rumus dalam komponen transformasi yang menjadi perantara di antara struktur-D dengan struktur-L<sup>5</sup>. Ubah Alfa bermaksud mengerakkan apa-apa sahaja (nodus frasa ataupun kepala) ke mana-mana sahaja, dan setiap pergerakan itu akan meninggalkan satu tikas yang ditandakan dengan simbol ‘*t*’. Tikas tersebut dikawal oleh teori ikatan. Teori ini beroperasi untuk menjadi penyekat kepada kebebasan Ubah Alfa nodus frasa ataupun kepala. Selepas berlakunya transformasi ke atas suatu kategori maka satu output akan dihasilkan. Output ini wujud pada aras yang dikenali sebagai struktur-L.

## PERNYATAAN MASALAH

### Pengenalan

Perhubungan antara FN objek dengan enklitik objek telah banyak mendapat perhatian pakar-pakar klitik (Aoun, 1985; Baltin, 1982; Borer, 1984; Dobrovie-Sorin, 1990; Jaeggli, 1982; Kayne, 1975; Suner, 1988). Analisis

- 
- 4 Struktur-D tidak hanya berperanan mentafsirkan ayat taksa atau ayat parafrasa sahaja tetapi penulis hanya menjelaskan dua peranan ini untuk memberikan satu gambaran yang umum mengenai struktur-D.
  - 5 Ubah Alfa juga dikenali sebagai kesan alfa (Lasnik & Saito, 1984). Lasnik dan Saito memberikan definisi yang bukan sahaja meliputi pergerakan malah meliputi masukan (insertion) dan pengguguran (deletion).

mereka terbahagi kepada dua jenis analisis dalam nahu generatif, iaitu Hipotesis Pergerakan dan Hipotesis in situ. Kedua-dua analisis ini juga mempunyai tanggapan yang berbeza mengenai jenis nodus yang dimiliki oleh suatu klitik itu, iaitu sama ada kepala ataupun frasa. Bahagian ini akan membincangkan kedua-dua analisis ini untuk dijadikan asas bagi membahaskan salah satu daripada analisis itu untuk menganalisis enklitik “-nya”.

## Hipotesis Pergerakan

Hipotesis Pergerakan (Aoun, 1985; Baltin, 1982; Kayne, 1975; Suner, 1988) membuat satu andaian penting bahawa klitik ialah ganti nama yang dijana pada dasarnya pada posisi objek dan kemudian bergerak ke posisi bersebelahan dengan hos. Pada mulanya analisis pergerakan ini dibentuk untuk mengkaji bahasa seperti bahasa Perancis. Bahasa Perancis ialah salah satu bahasa yang mempunyai klitik ganti nama yang turut memenuhi keperluan pensubkategorian kata kerjanya. Sifat ini membolehkan klitik dan frasa nama (FN) penuh (*full noun phrase*) saling melengkapi. Sebagai contoh, FN *les pommes* ‘epal itu’ dalam ayat (3a) memenuhi fungsi sintaksis yang sama dengan klitik pronomina *les* dalam ayat (3b):

- (3) a. Jean mange les pommes  
         Jean eats        itu epal.  
         ‘Jean memakan epal itu’.
- b. Jean les<sup>6</sup>mange  
         Jean them eats .  
         ‘Jean memakan sesuatu’.

Klitik *les* dalam (3b) merujuk kepada FN *les pommes*. Perbezaan yang wujud ialah klitik *les* mendahului kata kerja *mange* manakala FN *les pommes* mengikuti kata kerja *mange* tetapi kedua-duanya tidak boleh hadir pada masa yang sama seperti dalam (3c):

- (3) c. \*Jean les mange les pommes.

Ayat (3c) adalah tidak gramatis kerana klitik *les* dan FN *les pommes* yang mempunyai fungsi yang sama, iaitu memenuhi pensubkategorian kata


6 Menurut Ouhalla (1999) klitik *les* mempunyai ejaan yang sama dengan kata penentunya. Bentuk *les* dalam ayat (3a) dikenal pasti sebagai kata penentu, manakala, *les* dalam ayat (3b) adalah klitik.

kerja tersebut hadir pada masa yang sama. Kayne (1975) menggunakan pendekatan hipotesis pergerakan untuk menunjukkan persamaan antara klitik ganti nama dengan FN ini. Bagi menunjukkan persamaan ini, Kayne mendakwa bahawa klitik ini wujud pada dasarnya pada posisi objek mengisi ruang FN. Sebagai contoh, ayat (3b) mempunyai representasi seperti (3d):

(3) d. Jean [<sub>FK</sub> mange les].


Kayne menggambarkan struktur-D bagi FK dalam ayat (3d) adalah seperti dalam (3e):

(3) e.



Pada struktur-D, klitik pronomina *les* menduduki nodus FN kerana memenuhi keperluan maklumat pensubkategorian kata kerja *mange* ‘*makan*’. Seterusnya Kayne menyarankan bahawa klitik ini bergerak dan bercantum ke kiri pada kata kerja di bawah nodus K melalui proses cantuman pada struktur-L. Pada struktur-L, FK (3e) ditandakan seperti (3f):

(3) f.



Klitik *les* dalam (3f) telah bergerak dari posisi frasa ke posisi cantuman kepala. Kayne mendakwa bahawa pergerakan ini tidak menyalahi teori X-berpalang kerana mengikut teori X-berpalang, setiap frasa tetap memprojeikkan kepala. Oleh yang demikian, beliau menegaskan bahawa klitik menyebabkan FN memprojeikkan satu nodus kepala yang dikenali sebagai nodus KL. Sehubungan dengan itu, pergerakan yang telah berlaku ialah pergerakan dari posisi kepala ke posisi kepala. Pergerakan ini juga tidak melanggar Prinsip Kekangan Pergerakan Kepala, iaitu prinsip yang menghalang satu kepala bergerak melepasi satu kepala yang lain kerana Chomsky (1981) telah pun menyatakan bahawa nodus kepala seperti  $K_1$  yang terhasil daripada proses cantuman tidak lengkap sepenuhnya untuk menghalang pergerakan kepala. Kayne mengandaikan bahawa nahu ini lebih mudah dijelaskan jika kita membuat anggapan bahawa klitik pada dasarnya berada pada posisi komplemen dan kemudiannya bergerak ke posisi cantuman seperti dalam (3f).

Kayne berpendapat bahawa sekiranya kita membuat kesimpulan bahawa klitik itu bergerak dari posisi komplemen, maka tiada mekanisme tambahan diperlukan untuk menjelaskan fenomena pengklitikan dalam bahasa Perancis. Analisis Kayne telah membahaskan bahawa klitik hadir pada struktur-D dan kehadirannya boleh memenuhi masukan leksikal. Kedudukan klitik dalam struktur cantuman pada struktur-L pula menggambarkan sifat klitik yang perlu hadir bersandar pada hosnya. Analisis beliau mengenai pengklitikan dalam bahasa Perancis dikenali sebagai Hipotesis Pergerakan.

### **Hipotesis *in situ***


Pakar-pakar klitik seperti Borer (1984), Dobrovie-Sorin (1990) dan Jaeggli (1982) mempunyai pandangan yang berbeza daripada Aoun (1985), Baltin (1982), Kayne (1975) dan Suner (1988) mengenai struktur-D bagi hos dan klitiknya. Bagi mereka, analisis pergerakan tidak menjelaskan sifat sebenar klitik, iaitu persandaran klitik pada hosnya. Sebaliknya, mereka telah memberikan hujah bahawa analisis yang terbaik ialah analisis penjaan dasar (analisis *in situ*), iaitu analisis sintaksis tanpa pergerakan. Analisis ini membuat tanggapan bahawa klitik mesti hadir tercantum dengan hosnya sejak daripada struktur-D lagi.

Analisis ini mempunyai dua andaian, iaitu pertama, klitik hadir bercantum pada struktur-D dan kedua, posisi komplemen tetap wujud kerana mematuhi pensubkategorian suatu hos. Untuk perbincangan ini, ayat (3b) ditulis semula sebagai (4):



- (4) Jean *les mange*.  
 Jean *them eats*.  
 ‘Jean memakan sesuatu’.

Menurut analisis *in situ*, pada struktur-D hos, iaitu *K mange* dan klitik *les* wujud bercantum seperti dalam (4a):



Struktur (4a) menggambarkan bahawa wujudnya posisi cantuman dan juga posisi komplement pada struktur-D. Klitik yang telah dianalisis dengan Hipotesis *in situ* ini akan menduduki posisi cantuman di sebelah kanan ataupun di sebelah kiri mengikut posisi hosnya pada struktur-D lagi. Sekiranya klitik ini ialah enklitik maka klitik akan wujud di sebelah kanan struktur cantuman, tetapi sekiranya klitik ini ialah proklitik maka klitik akan wujud di sebelah kiri struktur cantuman pada hosnya. Klitik *les* ialah proklitik maka klitik ini wujud tercantum di sebelah kiri struktur cantuman pada hosnya, iaitu *mange*. Analisis ini mengandaikan bahawa keperluan untuk bergerak sudah tidak wujud lagi kerana suatu klitik itu sudah dicantumkan dengan hosnya pada struktur-D lagi.

Jaeggli (1982) mendakwa bahawa klitik *les* ialah satu butir leksikal dalam leksikon penutur aslinya yang mempunyai maklumat penubkategorian yang tersendiri, iaitu [ \_ K ] dan dikenali sebagai masukan minimal. Sehubungan dengan itu, prinsip unjuran, iaitu prinsip yang memastikan bahawa setiap leksikal diunjurkan dengan betul pada setiap tahap sintaksis berpandukan masukan leksikal masing-masing akan mematuhi masukan minimal ini dan mengunjurkan posisi cantuman untuk klitik pada struktur-D ayat berkenaan seperti yang digambarkan dalam struktur (4a).

Jaeggli (1982) juga turut mendakwa bahawa posisi komplemen tetap wujud untuk memenuhi maklumat pensubkategorian kata kerja transitif *mange* dan ditandakan *e*. Jaeggli (1982) mengandaikan bahawa posisi komplemen ini diduduki oleh *pro* pada struktur-D. *pro* ialah satu bentuk FN yang tidak mempunyai realisasi fonetik tetapi wujud untuk memenuhi Prinsip Kasus (Chomsky, 1981). Kesimpulannya ialah ayat (4) mempunyai urutan yang sama pada struktur-D dan struktur-L kerana tiada pergerakan yang perlu untuk memenuhi mana-mana rumus ataupun prinsip.

## ENKLITIK “-NYA” DAN FUNGSINYA PADA KATA KERJA

Kata kerja ialah golongan kata yang boleh berfungsi sebagai predikat dalam ayat dan diklasifikasikan kepada tiga kelas yang berasingan, iaitu transitif, dwitransitif dan tak transitif. Kata kerja transitif ialah kata kerja yang memerlukan objek untuk melengkapkan maksudnya seperti kata kerja *memukul*:

(5) Zaini memukul Ali.

Kata kerja *memukul* dalam (5) ialah kata kerja transitif yang mengambil FN *Ali* sebagai objeknya.

Kata kerja yang memerlukan dua objek untuk melengkapkan maksudnya dikenali sebagai kata kerja dwitransitif seperti *memberi*<sup>7</sup>:

(6) Dia memberikan pen kepada Abang.

Dalam ayat (6) FN *pen* yang hadir selepas kata kerja dwitransitif dikenali sebagai objek langsung manakala FN *Abang* yang mengikuti kata preposisi *kepada* dikenali sebagai objek tak langsung.

Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang maksudnya lengkap, walaupun tanpa diikuti objek seperti dalam (7):

(7) Mak Su menangis.

Kata kerja tak transitif *menangis* tidak memerlukan apa-apa objek untuk melengkapkan maksudnya.

Bahagian ini telah menerangkan secara deskriptif kedudukan FN pada posisi objek bagi kata kerja tak transitif, transitif dan dwitransitif. FN yang menduduki posisi objek pada ketiga-tiga golongan kata juga sering kali dikenali sebagai FN objek. Kedua-dua golongan kata ini juga boleh disandari

---

7 Ramli (1989) telah membahaskan bahawa terdapat sejenis morfem iaitu ‘-kan’ yang dikenali sebagai morfem benefaktif pada kata kerja dwitransitif.

oleh enklitik “-nya”. Sehubungan dengan itu, bahagian yang berikut akan membincangkan persandaran enklitik “-nya” pada kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif serta fungsinya.

### Fungsi Enklitik “-nya”

Klitik mempunyai satu sifat yang umum, iaitu sentiasa bersandar dengan hosnya, sama ada mengikuti ataupun mendahului hos. Proses persandaran klitik dikenali sebagai pengklitikan. Dalam bahasa Melayu, bentuk “-nya” yang telah dikenal pasti sebagai enklitik bersandar mengikuti hosnya. Enklitik “-nya” mempunyai berbagai-bagai penyebaran dalam bahasa Melayu tetapi dalam bahagian ini penyebaran yang akan dibincangkan adalah mengenai fungsi enklitik “-nya” yang bersandar mengikuti hos yang terdiri daripada kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif.

Enklitik “-nya” boleh bersandar mengikuti kata kerja yang terdiri daripada kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif seperti kata kerja transitif *memukul* dalam ayat (8) dan kata kerja dwitransitif *memberi* dalam ayat (9):

(8) Zaini memukulnya.

(9) Zaini memberinya kepada<sup>8</sup> Muhibbah.

Kehadiran enklitik “-nya” pada kedua-dua golongan kata dalam ayat (8) dan (9) tidak akan membenarkan kehadiran pelengkap jenis FN pada posisi objeknya:

(8) a. \*Zaini memukulnya Farid.

(9) a. \*Zaini memberinya bunga kepada Muhibbah.

Kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif memerlukan pelengkap jenis FN untuk memenuhi masukan leksikal pada posisi objeknya. Sebaliknya ayat (8) dan (9) tetap gramatis walaupun tanpa kehadiran pelengkap jenis FN pada posisi objek kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. Oleh yang demikian, satu kesimpulan yang dapat dicapai daripada ayat-ayat yang gramatis ialah kehadiran enklitik “-nya” memenuhi keperluan masukan leksikal yang menggantikan pelengkap jenis FN pada posisi objek.

8 Enklitik “-nya” juga hadir pada kata preposisi transitif seperti kepada. Skop kajian ini tidak meliputi kata preposisi oleh yang demikian analisis ke atas kata preposisi tidak akan dibahaskan di sini.

Dakwaan ini boleh diuji dengan menggunakan ayat soal. Sekiranya FN objek boleh disoal maka enklitik juga boleh disoal.

- (8) b. i. Zaini memukul siapa?
  - ii. Zaini memukul **Farid**.
  - iii. Zaini memukul**nya**.
  
- (9) b. i. Zaini memberi apa kepada Muhibbah?
  - ii. Zaini memberi **bunga** kepada Muhibbah.
  - iii. Zaini member**inya** kepada Muhibbah

Ayat soal *siapa* dalam (8bi) dan *apa* dalam (9bi) menyoal FN pada posisi objek. Ayat soal itu boleh dijawab oleh sama ada FN objek seperti dalam (8bii) dan (9bii) ataupun enklitik “-nya” seperti dalam (8biii) dan (9biii). Ini menunjukkan bahawa enklitik dan FN objek mempunyai fungsi yang sama apabila kedua-duanya boleh menjawab ayat soal dalam (8bi) dan (9bi).

Perbincangan dalam bahagian ini telah menunjukkan satu keadaan yang saling melengkapi di antara enklitik “-nya” dengan FN pada posisi objek kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. Sifat saling melengkapi ini dengan sendirinya menyatakan bahawa enklitik “-nya” hadir menggantikan FN objek yang mengikuti kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk menyatakan bahawa enklitik “-nya” berfungsi sebagai objek apabila diklitikkan pada kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif. Enklitik “-nya” yang berfungsi sebagai objek akan dikenali sebagai enklitik objek.

## STRUKTUR-D ENKLITIK “-NYA”

Penulisan ini telah membincangkan bahawa kehadiran enklitik “-nya” pada kata kerja transitif dan dwitransitif berfungsi sebagai objek. Sifat sedemikian membolehkan kita membuat satu andaian bahawa enklitik “-nya” aktif dalam komponen sintaksis. Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan memulakan perbincangan mengenai masukan leksikal kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif dalam leksikon penutur bahasa Melayu. Perbincangan ini seterusnya akan membahaskan bahawa enklitik “-nya” juga turut memenuhi maklumat subkategorisasi butir leksikal kata kerja tersebut.

Bagi memulakan perbincangan, ayat-ayat ini akan digunakan:

- (10) Tajul memukul Farid.

(11) Zaini memberi hadiah kepada Muhibbah.

Ayat (10) terdiri daripada satu kata kerja transitif *memukul* yang mensubkategorisasikan satu FN iaitu FN *Farid*. Ayat (11) pula dihadiri oleh kata kerja dwitransitif *memberi* yang mensubkategorisasikan satu FN dan satu FP, iaitu FN *hadiah* dan FP *kepada Muhibbah*. Leksikon ‘pukul’ dalam (10) mempunyai masukan leksikal seperti (12):

(12) pukul, [+K, -N]  
 [\_, FN]  
 <+nyawa> <+nyawa>  
 [Agen, Penderita]

Kata kerja dwitransitif *memberi* dalam ayat (11) pula mempunyai masukan leksikal seperti di bawah:


(13) beri, [+K, -N]  
 [\_, FN, FP]<sup>9</sup>  
 <+nyawa> <-nyawa> <+nyawa>  
 [Agen, tema, Benefaktif]

Setiap leksikal dalam ayat (10) dan (11) akan disisipkan di bawah nodus yang bertepatan oleh Prinsip Unjuran (14):

(14) Prinsip Unjuran

Setiap masukan leksikal mestilah diunjurkan pada setiap aras dalam komponen sintaksis.


Mengikut masukan leksikal (11), Prinsip X-berpalang akan mengunjurkan struktur-D FK bagi memenuhi Prinsip Unjuran (14) seperti (15):



9 Oehrle (1976) dan Stowell (1981) telah mencadangkan bahawa maklumat subkategorisasi bagi kata kerja dwitransitif ialah [\_, FN, FN] dan ayat ‘Zaini memberikan Muhibbah hadiah’ adalah ayat dasar dan tidak diterbitkan secara transformasi dari ayat (11).

Masukan leksikal dalam (13) telah menunjukkan bahawa kata kerja dwitransitif mengsubkategorisasikan satu FN yang dikenali sebagai objek langsung dan satu FP yang dikenali sebagai objek tak langsung. Kedua-dua bentuk objek ini akan diunjurkan bagi memenuhi Prinsip Unjuran dalam suatu representasi yang dapat menggambarkan hubungan di antara objek dengan kata kerja dwitransitif ini. Bagi memenuhi hubungan ini, kedua-dua objek itu perlu hadir bersebelahan dengan kata kerja dwitransitif. Sifat bersebelahan ini sering kali dikaitkan dengan hubungan kekeluargaan. Satu cara adalah dengan mewujudkan struktur-D yang bercabang tiga seperti yang telah dicadangkan oleh Edmonds (1985) dalam (16):

(16)



Dalam struktur (16), K' menaungi secara terus tiga nodus, iaitu K, FN dan FP. Oleh itu, mengikut hubungan kekeluargaan ketiga-tiga nodus K, FN dan FP ialah nodus adik-beradik. Seterusnya, Ramli (1989) melalui analisis di antara kata kerja dwitransitif bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris telah mendakwa bahawa dalam konteks FN - kepada - FN pada struktur-D dalam bahasa Melayu nodus P yang diunjurkan oleh teori X-berpalang tidak disisipkan dengan kata preposisi *kepada*. Kata preposisi ini hanya disisipkan pada struktur-L.<sup>10</sup>


Struktur (15) dan (16) telah menunjukkan struktur sintaksis yang diunjurkan oleh prinsip X-berpalang berpandukan masukan leksikal kepala

10 Larson (1988) telah mencadangkan struktur cengkerang-FK 'VP Shell' untuk kata kerja dwitransitif dan mengandaikan bahawa kata preposisi wujud mengikuti kata nama objek tak langsung pada struktur-D. Walaupun demikian, Ramli (1989) telah mempertahankan dengan baik struktur (16) dalam bahasa Melayu maka analisis ini juga akan mengandaikan struktur (16) sahaja.

leksikal masing-masing dan dikawal oleh Prinsip Unjuran. Perhatian akan diberikan pada setiap posisi objek kata kerja transitif dan dwitransitif dalam ayat (10) dan (11). Ini adalah kerana setiap posisi objek itu boleh dihadapi oleh enklitik “-nya” seperti di bawah:


- (17) a. Tajul memukul Farid.
- b. Tajul memukul**nya**.
- c. \*Tajul memukul**nya** Farid.
  
- (18) a. Zaini memberi hadiah kepada Muhibbah.
- b. Zaini member**inya** kepada Muhibbah.
- c. \*Zaini member**inya** hadiah kepada Muhibbah.

Perbincangan awal telah mengenal pasti bahawa enklitik “-nya” dan FN yang mengikuti enklitik ini tidak diterima dalam ayat (17c) dan (18c) kerana kedua-duanya saling melengkap. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk mendakwa bahawa ayat (17c) dan (18c) adalah tidak gramatis kerana enklitik “-nya” telah memenuhi keperluan pensubkategorian kata kerja transitif dan kata kerja dwitransitif pada struktur-D. Sehubungan dengan itu, analisis ini dapat menyimpulkan bahawa enklitik “-nya” menduduki posisi komplemen pada struktur-D dalam ayat (17b) dan (18b). Prinsip X-berpalang akan mengunjurkan struktur-D FK bagi memenuhi Prinsip Unjuran supaya setiap leksikal diletakkan di bawah nodus yang betul, maka FK *memukulnya* dalam ayat (17b) akan ditandakan struktur-D seperti dalam (19):



Struktur (19) menggambarkan kedudukan enklitik “-nya” pada posisi komplemen bagi K *memukul*. Ini bertepatan dengan fungsinya sebagai objek. Sehubungan dengan itu, enklitik yang bersandar pada kata kerja dwitransitif dalam ayat (18b) akan ditandakan struktur seperti (20):

(20)



Struktur-D (20) menggambarkan kehadiran enklitik pada posisi yang sama, iaitu posisi komplemen bagi kata kerja dwitransitif *memberi* seperti kedudukannya dalam struktur (19).

Perbincangan dalam bahagian ini telah membahaskan bahawa enklitik “-nya” yang menduduki posisi komplemen pada kata kerja transitif dan dwitransitif berfungsi sebagai objek. Perbincangan dalam bahagian ini hanya tertumpu kepada kedudukan enklitik “-nya” pada struktur-D sahaja. Perbincangan ini masih belum dapat menggambarkan kedudukan sebenar enklitik “-nya” yang perlu hadir bersandar mengikut hosnya. Oleh yang demikian, bahagian seterusnya akan membahaskan bahawa analisis pergerakan ialah analisis terbaik untuk menggambarkan kedudukan sebenar enklitik yang hadir bersandar pada hosnya pada struktur-L.


### STRUKTUR – L ENKLITIK “-NYA”

Analisis *in situ* telah mencadangkan struktur cantuman pada struktur-D bagi menggambarkan kedudukan klitik dengan hosnya. Sebaliknya, penulis telah menjelaskan tiga masalah kepada analisis ini. Perbincangan di atas pula telah membahaskan bahawa enklitik “-nya” hadir pada posisi komplemen pada struktur-D. Ini bermakna enklitik ini perlu bergerak kepada hosnya untuk menggambarkan sifatnya yang perlu hadir bersandar pada hosnya. Oleh yang demikian, analisis yang terbaik untuk mengkaji pengklitikan enklitik “-nya” dalam bahasa Melayu ialah dengan menggunakan analisis pergerakan.



Analisis Pergerakan (Kayne, 1975) telah membuat satu andaian penting bahawa klitik dijana pada dasarnya dari posisi bentuk utuhnya dan kemudian melakukan pergerakan jenis cantuman. Analisis Kayne (1975) adalah sangat bertepatan dengan sifat enklitik “-nya” serta bersesuaian untuk diaplikasikan dalam bahasa Melayu.

Analisis pergerakan pada struktur-L akan dimulakan dengan mengguna pakai pendapat Kayne (1975) dan Cardinaletti (1994:18) bahawa bentuk klitik memprojekkan kepala seperti dalam struktur (21):



Pendapat Kayne (1975) dan Cardinaletti (1994) ini mempunyai sedikit perbezaan daripada teori-X berpaling. Teori X-berpaling menyatakan bahawa penengah, iaitu X' memprojekkan kepala, iaitu X. Ini bermakna N' mesti memprojekkan N tetapi N' dalam (21) tidak memprojekkan N sebaliknya memprojekkan KL. Kayne (1975) dan Cardinaletti (1994) mendakwa bahawa kepala KL perlu untuk membezakan klitik daripada bentuk utuhnya. Mereka mengandaikan bahawa bahasa yang mempunyai klitik akan mempunyai nodus KL untuk diunjurkan bagi memenuhi (14), iaitu Prinsip Unjuran.


Bagi permulaan analisis seterusnya ke atas enklitik “-nya”, ayat (17b) dan (18b) digunakan semula dan ditulis sebagai (22) dan (23):

(22) Tajul memukulnya.


(23) Zaini memberinya kepada Muhibbah.

Kita telah pun mengetahui struktur-D FK bagi setiap ayat di atas, iaitu enklitik “-nya” menduduki posisi komplemen pada struktur-D seperti yang digambarkan di bawah:

(22) a.




(23) a.




Enklitik “-nya” dalam kedua-dua struktur menduduki posisi yang sama, iaitu posisi komplemen tetapi kedudukan enklitik pada struktur-D tidak menggambarkan sifatnya yang hadir bersandar pada hosnya. Kesemua pakar-pakar klitik (Aoun, 1985; Baltin, 1982; Borer 1984; Dobrovie-Sorin, 1990; Jaeggli, 1982; Kayne, 1975 dan Suner, 1988) sama ada yang menggunakan analisis Hipotesis Pergerakan ataupun Hipotesis *in situ* juga ber-setuju bahawa sifat enklitik yang hadir bersandar pada hosnya hanya dapat digambarkan dalam struktur sintaksisnya melalui struktur cantuman. Oleh yang demikian, enklitik “-nya” dalam kedua-dua struktur (22a) dan (23a) perlu bergerak bercantum dengan hosnya seperti yang digambarkan dalam (22b) dan (23b):

(22) b.



(23) b.



Pada struktur-L, enklitik “-nya” dicantumkan pada hosnya dalam struktur (22b) dan (23b). Pergerakan yang berlaku dalam ketiga-tiga struktur ialah pergerakan jenis cantuman. Kedudukan enklitik “-nya” pada posisi komplemen pada struktur-D dan pergerakannya yang menghasilkan struktur cantuman pada struktur-L telah menyokong Hipotesis Pergerakan.

Hasil daripada pergerakan enklitik “-nya” pada struktur-L,  $t_i$ , iaitu tikas telah terbentuk. Hubungan antara tikas dengan enklitik “-nya” ditandakan dengan indeks yang sama, iaitu  $i$ . Tikas adalah satu bentuk yang dikawal oleh Prinsip Kategori Kosong. Ini bermakna setiap pergerakan memerlukan Prinsip Kategori Kosong (PKK) dipenuhi supaya pergerakan yang sewenang-wenangnya dapat dikekang. Prinsip ini hanya dapat dipenuhi sekiranya tikas  $t_i$  dapat dikuasai dengan sempurna. Mengikut Prinsip PKK penguasaan sempurna melibatkan penguasaan teta dan penguasaan anteseden. Penguasaan teta bermakna suatu kepala menguasai teta suatu tikas. Ini berlaku hanya sekiranya kepala tersebut menguasai dan menanda teta tikas tersebut. Penguasaan anteseden pula bermakna penguasaan anteseden yang telah dikoindekskan bersama tikasnya tanpa apa-apa frasa maksimum yang menjadi penghalang kepada penguasaan.

Menurut Chomsky (1986b), nodus kepala dalam struktur cantuman tidak berupaya menjadi penguasa. Oleh yang demikian, tikas  $t_i$  dalam (22b) tidak dapat dikuasai teta oleh  $K_2$  *memukul* kerana pergerakan jenis cantuman telah menyebabkan terhasilnya kepala  $K_2$  *memukul* yang tidak lengkap untuk penguasaan. Ini adalah kerana  $K_2$  *memukul* bukan dinaungi terus oleh satu  $K'$  yang tunggal tetapi telah dibahagikan kepada dua  $K$  iaitu  $K_1$  dan  $K_2$ . Ini bermakna sebahagian  $K$  menaungi kata kerja *memukul* manakala sebahagian yang lain menaungi enklitik “-nya”. Ini menyebabkan  $K_2$  bukanlah suatu nodus yang lengkap untuk memenuhi penguasaan. Sehubungan dengan itu, tikas tersebut tidak dapat dikuasai teta untuk memenuhi PKK. Ouhalla (1999:386) telah menyarankan bahawa tikas yang terhasil daripada pergerakan kepala hanya memenuhi PKK melalui Kuasaan anteseden sahaja. Cadangan ini sangat bertepatan dengan tikas enklitik “-nya” kerana enklitik “-nya” dalam (22b) dapat menguasai- $m$   $t_i$  dan tiada unjuran maksimum yang lain untuk menghalang penguasaannya. Nodus KL berupaya menjadi penguasa kerana mendapat kebolehan menjadi penguasa daripada hosnya. Nodus KL dan tikas pula telah dikoindekskan. Ini bermakna tikas enklitik “-nya” dapat dikuasai anteseden dengan sempurna dan memenuhi kehendak PKK, oleh yang demikian, pergerakan enklitik “-nya” adalah satu pergerakan yang sah. Tikas  $t$  dalam (23b) juga memenuhi PKK seperti yang telah berlaku pada tikas dalam (22b). Tikas  $t$  dan enklitik “-nya” dalam (22b) telah

dikoindexkan dan enklitik “-nya” juga dapat memerintah-m tikasnya. Oleh yang demikian, kedua-dua tikas dan antesedennya telah dikuasai anteseden dengan sempurna. Pergerakan enklitik “-nya” dalam (23b) juga adalah sah.

## KESIMPULAN

Satu kesimpulan yang dapat dicapai daripada analisis ini ialah pengklitikan enklitik “-nya” pada hosnya, iaitu kata kerja transitif dan dwitransitif melibatkan analisis pergerakan. Hasil daripada analisis pergerakan pula  $t_i$  telah diwujudkan dan ini menyebabkan PKK perlu dipatuhi. Setiap tikas yang terhasil itu, iaitu (22b) dan (23b) dapat memenuhi PKK kerana tikas ini telah memenuhi Kuasaan anteseden seperti yang telah dicadangkan oleh Ouhalla (1999). Ini mencadangkan bahawa pergerakan enklitik “-nya” bukan satu pergerakan yang *ad hoc* dan membuktikan bahawa pengklitikan dalam bahasa Melayu melibatkan analisis pergerakan.

Malah analisis di atas secara tidak langsung menyatakan bahawa analisis *in situ* mempunyai beberapa kelemahan jika dibandingkan dengan analisis Pergerakan. Kelemahan yang pertama ialah andaian bahawa klitik menduduki posisi yang lain daripada bentuk utuhnya pada struktur-D, iaitu posisi klitik wujud bercantum dengan hos pada struktur-D manakala posisi bentuk utuhnya juga wujud menyebabkan sifat saling melengkapi antara klitik dengan bentuk utuhnya tidak dapat dijelaskan. Kelemahan yang kedua, analisis ini mengandaikan bahawa klitik dan FN yang mempunyai makna yang sama dan saling melengkapi ini tidak mempunyai masukan leksikal yang sama. Sebaliknya satu masukan leksikal yang baharu iaitu masukan minimal terpaksa diperkenalkan. Kelemahan yang ketiga ialah maklumat penubkategorian bagi suatu kata kerja transitif perlu dipenuhi oleh bentuk yang tidak mempunyai realisasi fonetik, iaitu *pro*. Ini menjadikan analisis ini sangat kompleks. Analisis Pergerakan dapat mengatasi ketiga-tiga kelemahan ini kerana klitik dan bentuk utuhnya menduduki posisi yang sama tanpa memerlukan satu posisi yang baharu dan satu masukan minimal diperkenalkan. Oleh itu, analisis pergerakan tidak perlu menyediakan posisi yang berbeza untuk klitik dan bentuk utuhnya serta satu masukan leksikal yang baharu. Analisis Pergerakan menjadikan nahu bersifat lebih ekonomikal. Oleh yang demikian, analisis hipotesis pergerakan telah dipilih dan dibahaskan sebagai analisis terbaik untuk enklitik “-nya” dalam bahasa Melayu. Walaupun begitu, Analisis Pergerakan turut memberikan satu impak yang baharu kepada teori kasus dan teori teta. Oleh itu, kajian yang melibatkan teori teta dan teori kasus perlu dijalankan untuk memperkukuh

Analisis Pergerakan ialah analisis yang menjelaskan pengklitikan enklitik “-nya” pada kata kerja.

## RUJUKAN

- Aoun, J., 1985. *A Grammar of Anaphora*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Baltin, M., “A Landing Site Theory of Movement Rules” dlm. *Linguistics Inquiry* 13, hlm. 1–38, 1982.
- Borer, H., 1984. *Parametric Syntax: Case Studies in Semitic and Romance Languages*. Dordrecht: Foris.
- Cardinaletti, A., “On The Internal Structure of Pronominal Dps” dlm. *The Linguistic Review* 11, hlm. 195–219, 1994.
- Chomsky, N., 1981. *Lectures on Government and Binding*. Dordrecht: Foris Publications.
- Chomsky, N., 1986a. *Barriers*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Chomsky, N., 1986b. *Knowledge of Language. Its Nature, Origin, and Use*. New York: Praeger.
- Chomsky, N., 1988. *Language and Problems of Knowledge: The Managua Lectures*. Mass.: MIT Press.
- Chomsky, N., 1982a. *Lectures on Government and Binding-the PISA Lectures*. Dordrecht-Holland: Foris Publication.
- Chomsky, N., 1982b. *Some Concepts and Consequences of the Theory of Government and Binding*. Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Dobrovie-Sorin, C., “Clitic-doubling, wh-movement, and quantification in Romanian” dlm. *Linguistic Inquiry*. 21, hlm. 351–397, 1990.
- Jaeggli, O., 1982. *Topics in Romance Syntax*. Dordrecht: Foris.
- Kayne, R. S., 1975. *French Syntax: The Transformational Syntax*. Cambridge, Mass.: M.I.T. Press.
- Larson, R.K., “On the Double Object Construction” dlm. *Linguistics Inquiry* 19, hlm. 335–391, 1988.
- Lasnik, H. dan Saito, M., “On the Nature of Proper Government” dlm. *Linguistic Inquiry*. 14, hlm. 235–289, 1984.
- Oehrle, R., 1976. “*The Grammatical Status of the English Dative Shift Alternation*”. Tesis PhD Massachusetts Institute of Technology.
- Ouhalla, J., 1999. *Introducing Transformational Grammar: from Principle and Parameters to Minimalism*. Ed. ke-2. London: Oxford University Press.
- Ramli Md. Salleh, 1989. *Fronted Constituents in Malay: Bases Structures and Move Alpha in a configurational Non-Indo-European Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stowell, T., 1981. “*Origins of phrase structure*”. Tesis PhD Massachusetts Institute of Technology.
- Suner, M., “The Role of Agreement in Clitic-doubled C nstructions” dlm. *Natural*

*Language and Linguistic Theory*. 6, hlm. 391–434, 1988.

Weisler, S. E. & Milekic, S., 2000. *Theory of Language*. Mass.: The MIT Press.

Zwicky, A. M., 1977. *On Clitics*. Bloomington: Indiana University Linguistics Club.